

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April, 1993

AKU402 - PENCUKAIAN

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan. Soalan-soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB** dan pilih **DUA** soalan daripada Bahagian B.

**Bahagian A (WAJIB)**

1. Encik Ali, seorang yang bermastautin di Malaysia, telah diberhentikan kerja dari Syarikat Hitam Sdn. Bhd. pada 30 Jun, 1991. Beliau bertugas dengan Syarikat Hitam untuk selama 10 tahun. Pendapatan penggajian beliau untuk tempoh 6 bulan bernilai RM40,000. Sebagai penghargaan beliau menerima wang pampasan sebanyak RM50,000 untuk ganti rugi kehilangan kerja. Pada 1 Julai, 1991, Encik Ali telah mendapat kerja baru dengan Syarikat Putih Sdn. Bhd. Berikut ialah maklumat pendapatan beliau dalam Syarikat Putih Sdn. Bhd.
  - (a) Gaji asas RM5,000 sebulan.
  - (b) Bonus RM7,000 diterima dalam bulan Disember, 1991.
  - (c) Rumah banglo (bersertakan alat/kelengkapan rumah), sewa bulanan bernilai RM2,250 sebulan, termasuk RM500 untuk bayaran alat kelengkapan rumah.
  - (d) Mendapat sebuah kereta dan seorang pemandu. Usia kereta ialah 6 tahun dan kos kereta semasa dibeli baru RM60,000. Gaji pemandu RM500 sebulan dan kos tahunan minyak kereta RM4,000 dan kos-kos ini dibayar oleh syarikat.
  - (e) Majikan telah membuat caruman sebanyak 15% kepada KWSP.
  - (f) Kos perjalanan ke luar negeri dihadkan kepada RM10,000.

Dalam bulan Oktober, 1991, isteri Encik Ali telah dimasukkan ke hospital dan syarikat telah membayar sebanyak RM5,000 untuk kos rawatan.

AKU402

2. Encik Tan (masih bujang) ialah seorang yang tidak bermastautin tetapi warganegara Malaysia. Bagi tahun berakhir 31 Disember, 1990, beliau telah melaporkan pendapatan berikut:

Pendapatan dari Malaysia

Dividen (kasar)	RM10,000
Sewa	RM24,000
Penggajian I	RM15,000
Penggajian II	RM 4,000
Pencen	RM12,000

Pendapatan bukan dari Malaysia

Penggajian III	RM30,000
----------------	----------

Maklumat tambahan diberi oleh Encik Tan adalah seperti berikut:

- (a) Penggajian II adalah sebagai akauntan gantian di sebuah kilang jentera untuk tempoh Januari, 1990 hingga Februari, 1990.
- (b) Penggajian I adalah sebagai akauntan sementara di sebuah kilang plastik bagi tempoh April, 1990 hingga Oktober, 1990.
- (c) Pencen adalah daripada penggajian dengan Jabatan Perikanan (kerajaan Malaysia). Beliau bersara apabila mencapai umur 55 tahun pada 1 Januari, 1985.
- (d) Encik Tan ingin menuntut perbelanjaan berikut untuk pendapatan hasil sewanya:

Faedah alat pinjaman perumahan	RM4,000
Cukai tanah	RM 200
Cukai pintu	RM2,000
Pengubahsuaian kepada dapur	RM5,000
Memasang unit hawa dingin	RM1,800

- (e) Encik Tan telah menderma RM800 kepada sebuah institusi yang diluluskan.

Dikehendaki:

- (i) Sila hitungkan perlepasan tidak bermastautin untuk tahun taksiran 1991.
- (ii) Adakah perbezaan dalam perhitungan anda, jika Encik Tan ialah seorang bukan warganegara Malaysia.
- (iii) Sila bincangkan asas undangan untuk menentukan taraf permastautin sesuatu syarikat di Malaysia.
- (iv) Apakah fahaman anda terhadap perkataan "pengurusan dan kawalan"?

[20 markah]

AKU402

- (iii) Encik Chong, seorang bermastautin di Singapura telah membuat simpanan tetap RM100,000 di sebuah bank di Malaysia. Bagi tahun berakhir 31 Disember, 1990, akaun beliau telah dikreditkan dengan faedah sebanyak RM12,000. Terangkan, dengan alasan, sama ada faedah tersebut boleh dikenakan cukai di Malaysia.

[2 markah]

- (iv) Terangkan skop cukai pegangan ke atas servis profesional yang dijalankan di Malaysia?

[2 markah]

Bahagian B

Pilih DUA soalan sahaja.

4. (a) Raya Maju Bhd. (tarikh akaun 30/6) telah diberi kontrak oleh kerajaan untuk membina dan menguruskan sebuah lebuh raya. Syarikat telah membelanjakan sebanyak RM300 juta untuk pembinaan jalan raya tersebut.

Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

1987	Penyediaan tanah	RM120 juta
1988	Dinding jalan	RM 40
1989	Jambatan dan jejambat	RM 40
1990	Pembinaan jalan raya	RM100
	Jumlah	----- RM300 -----

Apabila lebuh raya itu dibuka kepada orang awam pada 1 Mei, 1991, Raya Maju Bhd. dibenarkan mengutip tol selama 20 tahun.

Oleh kerana kerajaan menerima terlalu banyak aduan daripada orang awam dan pengguna jalan raya, maka kerajaan membatalkan kontraknya dengan Raya Maju Bhd. pada 30 April, 1996.

Kerajaan membayar RM50 juta sebagai ganjaran atas penamatan kontraknya sebelum habis tempohnya, dan sebanyak RM80 juta lagi dibayar untuk nilai aset tetap (tanah dan jalan raya).

...6/-

Encik Zaitun:

Perniagaan (pendapatan dilaras)	RM40,000
Elaun modal - elaun semasa	RM10,000
- elaun yang belum diserap dibawa ke hadapan	RM20,000
Kerugian yang belum diserap di bawa ke hadapan	RM(12,000)

Pendapatan lain:

Sewa (Puan Zaitun)	RM( 1,000)
Dividen (Encik Hamid)	RM 2,000

Maklumat tambahan dibentangkan seperti berikut:

- (a) Encik Hamid telah menuntut potongan untuk perbelanjaan berikut:

Keraian	RM 6,500
Pekebun	RM 3,000

- (b) Bonus itu dibayar pada 1 Mei, 1990.
- (c) Encik Hamid diperuntukkan dengan sebuah kereta oleh syarikat sejak tiga tahun lalu. Harga kereta itu RM120,000 pada waktu baru.
- (d) Menurut Encik Hamid, hanya 30% daripada perjalanannya merupakan perjalanan persendirian. Beliau tidak tahu bahawa beliau perlu menyimpan rekod yang lengkap.
- (e) Encik Hamid diperuntukkan kediaman tanpa kelengkapan perabut selama lima bulan dalam tahun 1990. Majikan membayar sewanya RM1,500 sebulan.
- (f) Bayaran insuran adalah seperti berikut:

Encik Hamid	Polisi RM100,000	Premium RM5,000
Puan Zaitun	Polisi RM 50,000	Premium RM3,000

Premium-premium dibayar secara tahunan.

- (g) Dividen yang diterima oleh Encik Hamid adalah seperti berikut:

Dividen Malaysia (bersih)	RM 650
Dividen Singapura (bersih)	RM1,350

Dividen Singapura telah dikreditkan ke dalam akaunnya di Singapura.

AKU402

- (b) Sebuah syarikat keretapi di Malaysia telah membuat peraturan untuk menyewa sebuah enjin keretapi diesel khas untuk operasi pengangkutan dari sebuah syarikat di India, selama 3 tahun dengan tujuan membina kondensor keretapi kedua.

Syarikat keretapi di Malaysia membayar RM1 juta setahun sebagai sewa kepada syarikat itu di India.

Nyatakan dengan alasan sama ada sewa yang dibayar kepada syarikat di India itu, boleh dikenakan cukai pendapatan di Malaysia.

[5 markah]

6. (a) Apakah skop percukaian di Malaysia, dan nyatakan perbezaan di antara pendapatan dan pendapatan modal?

[5 markah]

- (b) Beri definisi berikut:

- (i) 'Orang' (individu).
- (ii) Diperoleh dan diwujudkan.
- (iii) 'Diterima'.

[5 markah]

- (c) Nyatakan jenis-jenis pendapatan yang dikecualikan daripada cukai mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967.

[5 markah]

- (d) Apakah yang dimaksudkan dengan 'perniagaan' dalam Akta Cukai Pendapatan 1967? Nyatakan jenis-jenis perbelanjaan yang dibenarkan mengikut Seksyen 33.

[5 markah]

...10/-

AKU402

LAMPIRAN B

Cukai kena dibayar oleh seorang individu yang bermastautin

	Pendapatan boleh kena cukai \$	Kadar %	Cukai kena dibayar \$
	-----	-----	-----
Atas yang pertama	2,500	4	100
Atas yang berikut	2,500	7	175
	-----		---
Atas yang pertama	5,000		275
Atas yang berikut	5,000	10	500
	-----		---
Atas yang pertama	10,000		775
Atas yang berikut	10,000	12	1,200
	-----		-----
Atas yang pertama	20,000		1,975
Atas yang berikut	15,000	17	2,550
	-----		-----
Atas yang pertama	35,000		4,525
Atas yang berikut	15,000	22	3,300
	-----		-----
Atas yang pertama	35,000		4,525
Atas yang berikut	20,000	27	5,000
	-----		-----
Atas yang pertama	70,000		13,225
Atas yang berikut	30,000	32	9,600
	-----		-----
Atas yang pertama	100,000		22,825
	-----		-----
Lebih daripada	100,000	35	35,000